

KKTKW 18/4/2.01 Jld. 2 (31)

Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

20 Januari, 1986

**PEK. KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 3/1986  
:: Penggunaan 'Alat Ukurjarak Elektronik (EDM)' Untuk Ukur Kadastra ::**

**1. Tujuan**

Pekeliling ini bertujuan untuk :-

- ( i ) Membenarkan serta menggalakkan penggunaan alat ukurjarak elektronik (EDM) dalam ukur kadastra; dan
- ( ii ) Mengujudkan Peraturan – Peraturan bagi ujian alat ukurjarak elektronik (field calibration of EDM).

**2. Latarbelakang**

Penggunaan EDM telah pun bermula lebih dari 2 dekad yang lalu dan teknologi dalam bidang ini pesat berkembang sehinggalah pada masa ini telah berjaya menghasilkan kejituan yang baik dan sesuai digunakan bagi ukuran kadastra.

Peraturan Ukur ( Survey Regulation) ini menyentuh secara ringkas sahaja mengenai penggunaan alat EDM seperti ternyata di :

- ( a ) Appendix II , 1.2, m.s. 37
- ( b ) Appendix IA , 4.2, m.s. 32
- ( c ) Appendix IA , 5, m.s. 33

**3. Tapak Ujian EDM**

Jabatan ini dengan kerjasama Lembaga Juruukur Tanah , Semenanjung Malaysia telah membina satu tapak ujian EDM yang pertama di negara ini bertempat di Wangsa Maju , Setapak, Kuala Lumpur.

Latarbelakang prinsip-prinsip teknikal mengenai :

- ( a ) pembinaan ;
- ( b ) ujian ;

( c ) pembetulan dalam ujian EDM.

adalah seperti terkandung di **Lampiran A** dan **B** .

#### **4. Penggunaan EDM Untuk Ukur Kadastra**

4.1 Penggunaan alat EDM di Jabatan – Jabatan Ukur Negeri dalam ukur kadastra hendaklah menepati Peraturan seperti di **Lampiran D**.

4.2 Alat-alat EDM yang digunakan hendaklah terlebih dahulu didalam keadaan yang baik dan 'Constant error' nya tidaklah melebihi 10mm. Sila lihat para 6.4 di **Lampiran A**.

#### **5. Buku Kerjalar**

Sehingga satu format Buku Kerjalar yang baru diterbitkan , buku kerjalar yang ada sekarang bolehlah digunakan.

#### **6. Tafsiran**

Bagi tujuan Pekeliling ini , perkataan EDM bermakna sistem EDM yang mengandungi satu alat EDM dan dua 'reflectors'. Jika salah satu daripada tiga komponen tersebut digantikan/diukur/'defective'/ jatuh atau rosak, maka keseluruhan sistem EDM tersebut hendaklah diuji semula.

#### **7. Penggunaan Oleh Juruukur Tanah Berlesen**

Penggunaan alat EDM bagi ukuran kadastra oleh Juruukur Tanah Berlesen hendaklah juga menepati seperti syarat – syarat terkandung di dalam Pekeliling ini.

#### **8. Penggunaan oleh Lain-Lain Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun**

Pengarah-Pengarah Ukur bolehlah menggunakan budibicara sendiri untuk membenarkan lain-lain jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun menggunakan tapak ujian EDM bagi tujuan ujian alat-alat EDM yang dipunyai oleh jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun berkenaan.

Prosedur di atas hendaklah dilaksanakan mulai dari tarikh Pekeliling ini.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM )**

Ketua Pengarah Ukur & Pemetaan  
Malaysia.

**Edaran:**

Semua Pengarah Ukur Negeri  
Pengarah Ukur Topografi

**Salinan Kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Pemetaan  
Pengarah Ukur Kadaster  
Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan  
Timbalan Pengarah Ukur Kadaster  
Setiausaha,  
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

